

4 LANGKAH CEGAH KES DENGGI BERULANG

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan mengambil empat langkah berkesan mengawal penyakit denggi supaya tidak akan berulang di masa akan datang.

Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan dalam jawapan bertulis kepada soalan Encik Lim Liang Seng (BN-Kinta) di Dewan Rakyat hari ini berkata, keempat-empat langkah itu ialah:

■ Mengawasi kejadian kes dan kematian di seluruh negara, pembiakan dan kepadatan nyamuk aedes yang merebakkan lagi penyakit itu.

■ Menyiasat kes-kes denggi yang dilaporkan dan mengambil tindakan segera untuk menghentikan jangkitannya dengan membunuh nyamuk dewasa melalui penyemburan atau pengasapan dengan menggunakan ubat-ubat serangga yang sesuai.

■ Menasihatkan orang ramai melalui media massa dan pertunjukan mengenai cara-cara mencegah pembiakan nyamuk aedes dan langkah-langkah yang perlu diambil apabila denggi disyaki, dan

■ Menkuatkuasakan Undang-Undang Pemusnahan Serangga-serangga Pembawa Penyakit 1975, termasuk pemeriksaan rumah, nasihat kepada tuan punya rumah, mengkompaun kesalahan dan pendakwaan di mahkamah.

Bellau berkata, dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ini, penglibatan dan kordinasi dengan kuasa-kuasa ini, katanya.

Serangga

Selain strategi-strategi itu, bellau berkata, Kementerian merancang menyatukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit yang di-

jangkiti oleh vektor-vektor serangga seperti malaria, untut dan denggi, untuk menjadi satu rancangan yang dinamakan rancangan mengawal penyakit-penyakit dibawa vektor di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Ini akan memastikan pendekatan yang lebih berkesan dan bersepadu untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit yang dijangkitkan dengan cara yang sama, iaitu gigitan vektor serangga terutamanya nyamuk, tegasnya.

Dalam menghapuskan atau mengawal penyakit-penyakit berjangkit seperti ini, bellau menegaskan, kesedaran dan kerjasama dari orang ramai adalah amat penting.

Rancangan-rancangan yang diaturkan oleh Kementerian akan bergantung besar kepada peranan orang ramai itu, katanya.



TAN SRI CHONG

Tiga sebab projek hospital tidak siap

KUALA LUMPUR, Rabu — Tiga faktor utama menyebabkan pembinaan projek pusat perkhidmatan baru di Hospital Besar Pulau Pinang tidak dapat disilapkan mengikut jadual.

Dewan Rakyat diberitahu, faktor-faktor itu ialah penyediaan reka bentuk dan pelan-pelan untuk pembinaan, kajian tapak tanah untuk projek dan panggilan tawaran untuk kerja-kerja cerucuk dan struktur.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban menjelaskan dalam jawapan bertulis kepada Dr. Koh Tsu Koon (BN-Tanjong), hari ini.

Setakat ini kerja-kerja cerucuk dan struktur telah siap dan tawaran untuk membina bangunan akan dipanggil apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

Katanya, beberapa projek memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Besar itu telah siap.

Antaranya, sambungan kepada dewan bedah, bilik-bilik pemeriksaan untuk pakar-pakar perubatan, pusat dobi baru dan bangunan unit kesihatan jiwa untuk kawasan utara.

Rayuan ke Majlis Privy

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan membatalkan sepenuhnya rayuan-rayuan ke Majlis Privy.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin berkata demikian dalam jawapan bertulis soalan Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong) di Dewan Rakyat hari ini.

Setakat ini katanya, Kerajaan masih belum membuat apa-apa keputusan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Kementerian kesal si cacat meminta2

KUALA LUMPUR, Rabu — Kementerian Kebajikan Am sedar ada sebilangan orang cacat menggunakan kacacatannya untuk meminta sedekah di tepi-tepi jalan.

Menteri berkenaan, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani juga menyedari ada setengah orang berpura-pura cacat untuk maksud yang sama.

Untuk mengurangkan bilangan peminta sedekah, saya meminta jasa baik orang ramai supaya tidak terlalu kerap menghulurkan wang," katanya menjawab soalan tambahan Wan Mohd. Najib Wan Mohamed (BN-Pasir Putih) di Dewan Rakyat, hari ini.

Datin Paduka Hajjah Aishah juga memberitahu, kementeriaannya bersedia mencarikan pekerjaan untuk orang-

orang cacat yang diberi latihan.

Bagaimanapun, katanya, tidak semua pekerjaan itu diterima oleh pihak swasta. "Mereka juga digalakkan berdirikan sejajar dengan latihan dan kemahiran yang diperolehi," katanya menjawab soalan lain dari Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar).

Bellau berkata, pihak kementerian juga sering menghubungi para majikan menawarkan kerja kosong yang sesuai untuk orang-orang cacat. "Tapi, ada setengah majikan menolak kerana kecacatan yang dialami oleh bakal pemohon itu terlalu teruk," katanya lagi.

Menjawab soalan asal Encik Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntal) yang ingin tahu jumlah orang cacat di seluruh negara dan jenis kecacatannya, bellau berkata:

"Bilangan orang cacat di negara ini dianggarkan 142,000 orang. Ini berdasarkan satu kajian yang dijalankan tidak lama dulu."

Bagaimanapun, katanya, jumlah orang-orang cacat yang berdaftar dengan Kementerian Kebajikan Am sehingga Jun 1982 ialah ialah 22,640 orang.

Pecahannya mengikut jenis kecacatan adalah seperti berikut: Cacat penglihatan 7,928, cacat anggota 7,834, cacat pendengaran 3,643 dan cacat akal 3,235.

Bellau berkata, kemudahan latihan yang disediakan di pusat-pusat jabatan sama ada yang diselenggarakan oleh Kerajaan ataupun badan sukarela ialah latihan sosial dan latihan, vokasional meliputi pertukangan kayu, pertukangan logam, motor mekanik, membaiki radio/TV, membuat alat-alat tiruan dan jahitan.

Pukat tunda haram dapat perhatian

KUALA LUMPUR, Rabu Kerajaan sedia mencanangkan kemungkinan memberikan lesen-lesen kepada pukat tunda haram yang banyak beroperasi di perairan negara ini.

Cadangan Yang Berhormat supaya memberikan lesen-lesen kepada pemilik pukat tunda haram akan diambil perhatian," kata Timbalan Menteri Pertanian, Encik Luhat Wan ketika menjawab soalan tambahan dari Encik Mohd. Raslan Hani Haji Abdul Majid (BN-Matang) di Dewan Rakyat

hari ini.

Menjawab soalan lain dari Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka) yang ingin tahu kriteria Kerajaan menarik balik lesen pukat tunda, bellau berkata:

"Dasar Kerajaan ialah membantu rakyat termasuk para nelayan. Mereka patut mematuhi syarat-syarat Kerajaan.

"Jika tidak dipatuhi dan melanggar syarat-syarat sesuka hati, mereka akan menerima padahnya," tambah bellau.

"Kerajaan, katanya, akan memberi amaran keras kepada pemilik

pukat tunda yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan.

"Tindakan Kerajaan ialah dengan tidak memperbaharui lesen pukat tunda mereka."

Menjawab soalan asal Datuk Lee Kim Sai (BN-Hulu Selangor) yang ingin tahu sama ada pemberian lesen pukat tunda berdasarkan pertimbangan politik, bellau berkata:

"Perkara itu tidak benar. Pemberian lesen adalah kepada mereka yang layak dan memerlukannya," tambah beliau lagi.

KESUCIAN ISLAM AKAN DILINDUNGI

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan bercadang mewujudkan peruntukan dalam undang-undang bagi melindungi dan menjamin kesucian agama Islam di negara ini.

Demikian dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Encik Kassim Ahmad ketika menjawab soalan Haji Hashim Endut (BN-Hulu Muda) yang ingin tahu tindakan kementerian terhadap beberapa imam, bilal, ahli-ahli jawatankuasa qariah masjid termasuk orang-orang fanatik yang terlibat menghasut dan memecah belah masyarakat di kampung-kampung.

Encik Kassim menjelaskan, pada dasarnya soal tersebut adalah dalam bidang tanggungjawab kerajaan negeri-negeri berkenaan kerana ia melibatkan hal-ehwal agama Islam.

Bagaimanapun, bellau berkata, kementeriaannya memberi perhatian

serius terhadap akibat yang mungkin timbul dari gejala-gejala yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara jika keadaan itu tidak dibendung.

Bellau berkata, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri telah mengambil langkah-langkah sesuai untuk mengatasi masalah tersebut, antaranya:

● Kementerian itu mengawasi dengan rapi segala kegiatan-kegiatan dan perkembangan yang berlaku dari masa kesemasa, termasuk pengawasan di kawasan-kawasan yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

● Kementerian juga, jelasnya, telah mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak terlibat untuk mencari persefahaman.

Semasa menjawab soalan tambahan Haji Hashim Endut, Encik Kassim berkata, kerajaan mengenal pasti mereka yang terlibat da-

lam kegiatan seperti itu dan tindakan akan diambil mengikut lunas undang-undang jika perkara itu berulang.

Dengan melafazkan hadis, Encik Kassim menjelaskan, sekiranya semua umat Islam jujur dalam setiap tindakan mereka, masalah keselamatan tidak perlu dibimbangkan.

Menjawab soalan tambahan Encik Alias Ali (BN-Hulu Terengganu), mengenai perselisihan politik penduduk-penduduk kampung yang tidak diambil tindakan, Encik Kassim berkata, "Sekiranya berbangkit kementerian terpaksa menjalankan tugas."

Menjawab soalan tambahan dari Haji Dasuki Haji Ahmad tentang wujudnya kelab dan balai raya dijadikan tempat sembahyang jemaah, Encik Kassim menasihatkan umat Islam supaya mengubah sikap untuk menjaga kepentingan dan kesucian agama Islam.